

Isnin, 27 April 2020 | 3:46pm



Menteri Kanan (Keselamatan) yang juga Menteri Pertahanan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob bercakap kepada pemberita sebelum sidang media harian Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Perdana Putra hari ini. - Foto BERNAMA

Bekalan barangan keperluan mencukupi - Ismail Sabri

Oleh Rohaniza Idris dan Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan mengulangi jaminan bekalan barangan keperluan mencukupi dan mampu menampung permintaan dalam negara secara berterusan dan mudah diperolehi.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata orang ramai dinasihatkan tidak bimbang dengan bekalan makanan dan keperluan harian sepanjang Ramadan.

Katanya, semalam, anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah membuat pemantauan harian ke atas 25 jenis barang di 1,015 premis perniagaan membabitkan 812 peruncit, pemborong (168) dan pengilang (35).

"KPDNHEP telah menerima sejumlah 14,783 aduan dan pertanyaan sehingga semalam melalui empat saluran utama iaitu aplikasi WhatsApp (6,229), E-Aduan (5,155), talian Hotline (2,453) dan talian melalui Pusat Arahan Penguatkuasaan (ECC)," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mesyuarat khas menteri mengenai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Putrajaya, hari ini.

Sebanyak 2,291 aduan harga dan bekalan telah direkodkan untuk tindakan bahagian penguat kuasa melalui sistem E-Aduan dan daripada jumlah itu, sebanyak 1,845 aduan harga dan bekalan telah selesai dan 446 aduan masih dalam siasatan.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, sebanyak 4,230 operasi sanitasi termasuk di 13 zon merah sudah dilaksanakan dan daripada jumlah itu sebanyak 8,160 premis membabitkan bangunan kerajaan, premis perniagaan dan kawasan awam.

"Semalam, sebanyak 80 operasi sanitasi meliputi 30 zon merah dan kuning di sembilan negeri termasuk 33 operasi di Johor dan 18 operasi di Kelantan.

"Operasi sanitasi semalam merangkumi 32 bangunan kerajaan, 32 tempat awam, 55 pusat perniagaan dan lapan pasar raya," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/682282/bekalan-barangan-keperluan-mencukupi-ismail-sabri>

